



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PROGRAM PELANCARAN  
PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM  
DRAF RANCANGAN TEMPATAN  
SEBERANG PERAI 2030

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**12 APRIL 2021 (ISNIN)**  
**11.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**BANDAR PERDA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Norliza Binti Abdullah**  
Pengarah Perancang Bandar – (Urus Setia Program)  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media,**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang amat penting dan bermakna khususnya kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan seluruh warga penduduk Seberang Perai kerana dapat mempamerkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 untuk diperiksa bermula dari 12 April hingga 11 Jun 2021.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin hadirat kerana sudi melapangkan masa hadir ke Majlis Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian merupakan satu bukti keprihatian tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam merancang ke arah masa depan yang lebih baik untuk kita semua. Seperti mana hasrat Kerajaan Negeri mengalukan konsep perancangan secara bersama dan mesra rakyat supaya menghasilkan

suatu rancangan pemajuan yang baik yang akan dapat membantu kerajaan negeri dan kerajaan tempatan di dalam menghasilkan keputusan-keputusan yang cepat dan tepat. Ini secara langsung akan menjurus kepada pembentukan persekitaran pembangunan yang lebih sistematik dan berkesan, justeru akan tercapailah suatu **“standard” persekitaran yang mampan dan kehidupan penduduk yang selesa dan berkualiti.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah memperuntukkan lima peringkat penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Fizikal Negara di Peringkat Negara, Rancangan Wilayah di Peringkat Wilayah, Rancangan Struktur di Peringkat Negeri, Rancangan Tempatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Rancangan Kawasan Khas untuk kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan khusus. Penyediaan Rancangan Tempatan adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan maka dengan itu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah dan akan memberi komitmen yang tinggi di dalam menyediakan rancangan tempatan ini. Kajian ini disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar MBSP dengan bantuan kepakaran pihak perunding yang dilantik iaitu Arkitek Jururancang Malaysia (AJM).

Kajian ini telah bermula pada tahun 2017. Kajian ini terpaksa mengambil masa yang lama untuk dimuktamadkan kerana tekanan pembangunan yang sentiasa berubah dengan pantas dan masalah penularan wabak pandemik COVID-19. Hasilnya rancangan tempatan ini disediakan dengan terperinci mengenai dasar-dasar yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN) ke dalam cadangan-cadangan yang lebih spesifik bagi mengguna, memaju dan memelihara tanah di dalam kawasan pentadbiran MBSP untuk tempoh sehingga tahun 2030.

Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu Rancangan Tempatan itu diterima ianya perlu diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Sebelum peringkat tersebut, kajian ini akan melalui dua proses seranta dan penyertaan awam yang termaktub dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu di peringkat permulaan kajian pada 18 November 2017 atau dikenali Publisiti Awal Kajian RTDSP 2030 dan di peringkat akhir penyediaannya.

Pada hari ini, **proses seranta dan penyertaan awam** adalah merupakan satu proses di mana orang awam diberikan peluang untuk mengemukakan cadangan, ulasan atau bantahan yang boleh diambil kira dalam menghasilkan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.

Proses ini bertepatan dengan prinsip panduan MBSP ‘**No One Should Be Left Behind**’.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Tujuan program pada hari ini iaitu Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 adalah untuk memaklumkan kepada pihak awam mengenai Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030) di mana pihak awam diberi peluang untuk memeriksa dan memberi maklumbalas terhadap rancangan pembangunan yang telah disediakan sehingga tahun 2030.

Pelaksanaan program ini selaras dengan keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Seksyen 13 iaitu apabila pihak berkuasa perancang tempatan telah menyediakan draf rancangan tempatan, ia hendaklah menyediakan salinan draf rancangan tempatan itu untuk diperiksa di pejabatnya dan di tempat lain yang ditentukannya.

Penyertaan awam ini juga dapat memberi peluang kepada penduduk yang terlibat dengan perancangan pembangunan di Seberang Perai untuk

mencapai matlamat Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi”.

DRTSP 2030 merupakan strategi perancangan pembangunan di Seberang Perai sehingga tahun 2030. Ia merangkumi tiga (3) teras utama iaitu Kompetitif, Inklusif dan Hijau dan juga disokong oleh 18 strategi dan 52 cadangan disusuli dengan pernyataan bertulis dan peta cadangan yang boleh dirujuk dan digunakan bagi pembangunan kawasan Seberang Perai sehingga tahun 2030.

Setiap cadangan dan tindakan dalam DRTSP 2030 ini diselaraskan dengan 17 matlamat pembangunan mampan – *Sustainable Development Goals (SDG)* yang merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar bagi menghadapi isu global pada masa hadapan.

Pameran awam ini akan dijalankan bagi tempoh dua bulan iaitu dari 12 April 2021 hingga 11 Jun 2021 yang bertempat di lima (5) lokasi iaitu di lobi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan serta di PlanMalaysia@Pulau Pinang.

Selama tempoh publisiti ini, orang awam boleh membuat semakan dokumen DRTSP 2030 dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari bekerja sahaja. Tarikh perasmian yang dicadangkan adalah pada 24 Mei 2020 iaitu pada hari Isnin jam 12 tengah hari.

Setiap tempat publisiti akan menempatkan dua (2) orang petugas daripada Jabatan Perancang Bandar bagi membantu untuk memberi penerangan berkenaan DRTSP 2030.

Hebahan kepada pihak awam mengenai DRTSP 2030 ini juga dibuat melalui beberapa cara seperti:

- i. Notis akhbar
- ii. Pameran awam
- iii. Sesi taklimat
- iv. Risalah, poster, banting, kain rentang
- v. Rencana, liputan akhbar dan media massa
- vi. Laman web MBSP
- vii. *Facebook* MBSP

Orang awam boleh memberikan maklumbalas kepada MBSP sama ada melalui borang yang diisi secara bertulis, QR code atau secara *online* selama tempoh pameran awam ini berlangsung.

Selepas publisiti ini, semua maklumbalas akan disediakan dalam bentuk laporan dan surat jemputan kepada pembantah atau yang menghantar borang maklumbalas akan diedarkan untuk hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

**MBSP mempunyai visi dan misi yang jelas iaitu “ Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi” . Manakala misi MBSP pula ialah “ Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai ”. Justeru, bagi merealisasi wawasan yang agong ini, MBSP menetapkan tiga(3) sasaran korporat iaitu :**

1. Bandar Raya Rendah Karbon tahun 2022
2. Bandar Raya Neutral Karbon 2030
3. Bandar Raya Sisa Karbon 2050

MBSP juga komited bersama bandaraya-bandaraya besar di dunia untuk menanggani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5 degee celcius. Justeru, dengan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menghasilkan Draf Rancangan Tempatan 2030, saya berharap agar misi visi dan komitmen Seberang Perai ke arah *Smart Sustainable City* dapat dicapai.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah sudi melapangkan masa untuk menghadiri program ini dan berharap agar dapat memainkan peranan dalam Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini, terutamanya kepada Jabatan Perancang Bandar MBSP.

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MBSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MBSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Akhir kata, terima kasih kepada warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. ***Seperti kata peribahasa Melayu, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.*** Terima kasih sekali lagi kepada pihak yang terlibat atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awal Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***